

24 SEP 1998

LEAD Mahathir-ISA

PERHIMPUNAN HARAM BOLEH SEBABKAN RUSUHAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 24 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata perhimpunan awam yang dianjurkan penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim diharamkan bagi mengelak kemungkinan berlakunya rusuhan antara kaum.

"Kita kena hentikannya kalau kita bertanggungjawab. Kalau kita benarkan ia mungkin meningkat hingga menjadi pecah rumah, rogol dan sebagainya," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada perhimpunan awam di seluruh negara yang dianjurkan secara haram oleh penyokong bekas Timbalan Perdana Menteri itu boleh menyebabkan kejadian rusuhan kaum.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan di Jabatan Perdana Menteri di sini, beliau berkata perhimpunan awam sememangnya diharamkan di negara ini sejak lama dahulu, dan bukan hanya sekarang.

"Ketika Anwar melakukannya, dia melanggar undang-undang," katanya.

Dr Mahathir berkata polis tidak begitu tegas dengan Anwar apabila mereka membenarkan beliau menganjurkan perhimpunan sedemikian.

Anwar menganjurkan perhimpunan haram secara besar-besaran di seluruh negara selepas beliau dipecat dari jawatan kerajaan dan daripada Umno. Perhimpunan sedemikian diadakan di rumahnya sendiri, masjid-masjid, kawasan terbuka termasuk di Dataran Merdeka untuk meraih simpati orang ramai.

Esok, penyokong-penyokongnya dikatakan akan menganjurkan perhimpunan sedemikian di Masjid Negara.

"Itulah cara mereka menyalahgunakan masjid, menyalahguna agama, cuba menghasut rakyat supaya memberontak. Mereka ingin mendapat situasi seperti yang terdapat di Jakarta, dengan itu pendapat mereka kerajaan akan jatuh dan perbicaraan tidak akan diadakan.

"Kita tak boleh nak buat apa, kalau kita kasar nanti CNBC (stesen televisyen asing) datang tunjuk gambar satu hari 15 kali," katanya. CNBC turut menghantar wakilnya pada sidang berita itu.

Dr Mahathir berkata, Anwar takut untuk dibicarakan di mahkamah berikutan kesalahan yang dilakukannya kerana pada masa itu kelak segala kegiatannya akan didedahkan kepada umum.

"Jadi apa juga yang boleh dibuat untuk menghalang perbicaraan secara terbuka akan dibuat oleh pengikut-pengikutnya. Bagi Anwar dia ingin dibicara oleh pengikutnya, dia tidak ingin dibicara dalam mahkamah sebab itu awal-awal lagi dia berkata mahkamah ada pakatan, dengan polis, dengan pendakwaraya, dengan saya, semua ada pakatan konspirasi," katanya.

Ketika menjawab soalan mengenai penangkapan beberapa orang termasuk Anwar mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Perdana Menteri berkata beliau percaya polis mempunyai alasan yang wajar untuk menahan mereka.

Beliau berkata penahanan seumpama itu selalunya dilakukan bagi tujuan soal-siasat berkaitan aktiviti yang boleh memudaratkan keselamatan negara.

Polis bertindak mengikut penilaian mereka sendiri, katanya.

Pada Ahad lepas, polis menahan bekas Timbalan Perdana Menteri itu kerana dipercayai menghasut penyokongnya menimbulkan kekacauan selepas mengetuai perhimpunan di Masjid Negara di sini.

Beberapa orang lagi yang dikaitkan dengan apa yang dikatakan gerakan "reformasi" Anwar, termasuk Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi dan empat pemimpin tertinggi Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) juga ditahan mengikut ISA dalam masa tiga hari lepas.

Menjawab soalan mengenai kebimbangan sesetengah orang ramai mengenai penangkapan Anwar, Dr Mahathir berkata kebimbangan itu hanya di kalangan minoriti dan bukan pendapat ramai.

Golongan minoriti ini suka menyatakan perkara-perkara berkenaan kepada media asing, katanya.

Wartawan CNBC turut bertanya Perdana Menteri mengenai rakaman mesej Anwar yang dikatakan dibuat sebelum beliau ditahan yang disiarkan oleh stesen television itu hari ini, yang antaranya menuduh Dr Mahathir seorang yang "dahagakan kuasa dan wang, dan pada asasnya menggunakan kepentingan negara untuk keluarga dan kroni."

"Yalah, saya masih terus memegang kuasa kerana kroni dan keluarga saya, dan anda bebas menyiarkan ini setiap setengah jam sekali kerana anda memiliki media. Anda boleh berbobong kepada seluruh dunia dan mempengaruhi dunia terhadap kami.

"Kami tidak mempunyai kuasa untuk melakukan apa-apa terhadap anda, jadi itulah hak media. Tentang hak yang ada pada saya, tidak anda endahkan. Anda boleh terus berbohong, saya tidak kisah. Jika anda mahu percaya, silakan, anda boleh mempercayainya," katanya.

Ketika ditanya sama ada kerajaan akan mengambil tindakan terhadap media asing yang memberi gambaran negatif dan laporan tidak benar mengenai Malaysia, Dr Mahathir berkata: "Inilah kebebasan bersuara, dan kebebasan bersuara termasuklah kebebasan untuk berbohong, jadi kami terpaksa menerimanya."

Perdana Menteri berkata laporan media asing mengenai Malaysia menunjukkan seolah-olah rakyat negara ini tidak berkemampuan menguruskan negara secara demokratik dan Malaysia seharusnya kembali menjadi tanah jajahan semula di bawah pemerintahan asing.

-- BERNAMA

RAZ ES NMO